

**“LEARNING ORGANISATION” DALAM FIRMA UKUR BAHAN**

**GUI HUN CHUEN**

**Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia**

**APRIL, 2006**

## ABSTRAK

Konsep “*Learning Organisation*” (*LO*) semakin mendapat sambutan dalam bidang pengurusan semenjak negara kita memperkenalkan Wawasan 2020. *LO* membolehkan organisasi memperbaiki kerja yang dijalankan dan satu elemen kunci dalam konsep tersebut ialah pengurusan pengetahuan (*knowledge management*). Baru-baru ini, Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan (CKUB) di JKR mula memberi perhatian kepada manfaat sesebuah *LO*. Keputusan yang mula diperolehi oleh JKR juga adalah amat menggalakkan. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan harapan dapat mengenalpasti pelaksanaan *LO* di firma-firma Juruukur Bahan dan pada masa yang sama juga dapat menentukan faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pelaksanaan konsep tersebut. Untuk mencapai kedua-dua objektif tersebut, satu set borang soal selidik berstruktur yang berasaskan skala *Likert* akan diberikan setiap satunya kepada firma-firma untuk mendapatkan balasan. Kaedah analisis yang dipilih adalah analisis statistik frekuensi serta analisis skala *Likert* yang berasaskan indeks berskala. Hasil analisis menunjukkan bahawa pelaksanaan *LO* di firma-firma masih berada pada tahap yang sederhana. Antara faktor yang boleh mempengaruhi pelaksanaan *LO* termasuk pekerja yang kurang berpengalaman dan pasif, kekurangan peruntukan kewangan dan tenaga manusia, syarikat yang lebih suka menggunakan cara yang ‘selamat’, serta kekurangan pengetahuan tentang *LO*. Kesimpulannya, *LO* di firma-firma Juruukur Bahan dan industri pembinaan secara keseluruhan masih mempunyai banyak potensi untuk diperkembangkan lagi. Oleh itu, *LO* harus dipromosikan dengan lebih hebat lagi.

## ABSTRACT

*The concept of Learning Organisation (LO) has been increasingly gaining attention in the field of management since the introduction of Vision 2020 in our country. LO enables organisations to focus on getting the job done better and one key element in this concept is knowledge management. Lately, the Contract and Quantity Surveying Branch of PWD has started to give attention to the benefits of an LO. The results PWD is starting to get are also quite encouraging. Therefore, this research is carried out with the hope of determining the implementation of LO in QS firms and also at the same time to find out the factors affecting the implementation of this concept. In order to achieve these two objectives, a set of structured questionnaire based on Likert scaling will each be given to the firms to get their response. Methods of analysis chosen are statistical frequency analysis and Likert scaling analysis based on scaled index. Results of analysis show that the implementation of LO in QS firms is still at an average level. Among the factors influencing the implementation of LO are inexperienced and passive employees, budget constraints and lack of manpower, companies prefer to 'play safe', as well as lack of knowledge in LO. In conclusion, LO in QS firms and the construction industry as a whole still has ample of potentials to be realized. Therefore, a greater promotion of LO should be carried out.*